

RINGKASAN EKSEKUTIF

<u>KERTAS CADANGAN</u>	:	PERMOHONAN KELULUSAN PERUNTUKAN BAGI MELAKSANAKAN KURSUS PERMINTAAN: KURSUS ISO 45001:2018 SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN UNTUK AKADEMIK BOMBA & PENYELAMAT MALAYSIA SARAWAK
<u>TARIKH</u>	:	15 & 16 JUN 2021
<u>TEMPAT</u>	:	
<u>KOS YANG TERLIBAT / PERUNTUKAN</u>	:	RM7,074.00
<u>WILAYAH</u>	:	PEJABAT MPC WILAYAH SARAWAK (SKO)
<u>BAKI PERUNTUKAN YANG ADA</u>	:	
<u>TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN</u>	:	 (WAN NURHANI WAN KHALID)
<u>KOMEN</u>	:	
<u>TANDATANGAN PENGURUS PCT</u>	:	 (MAHADI HASBULLAH)
<u>IMPAK KEPADA RAKYAT</u>	:	i. MENINGKATKAN IMEJ DAN KREDIBILITI ORGANISASI. ii. MENINGKATKAN KAWALAN KOS. iii. MEWUJUDKAN BUDAYA PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN.

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA
PERMOHONAN KELULUSAN PERUNTUKAN BAGI MELAKSANAKAN
KURSUS PERMINTAAN ISO 45001:2018 SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN
DAN KESELAMATAN PEKERJAAN DI AKADEMIK BOMBA & PENYELAMAT
MALAYSIA SARAWAK

1.0 TUJUAN

- 1.1 Kertas cadangan ini bertujuan untuk mendapatkan kelulusan Lembaga Pengurusan MPC bagi permohonan peruntukan melaksanakan kursus permintaan ISO 45001:2018 Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan di Akademik Bomba & Penyelamat Malaysia Sarawak.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kursus ini adalah kursus permintaan daripada pihak Akademik Bomba & Penyelamat Malaysia Sarawak yang dicadangkan untuk diadakan pada 15 & 16 Jun 2021.
- 2.2 Kursus permintaan ini akan berlangsung selama 2 hari secara fizikal.
- 2.3 Pihak Akademik Bomba & Penyelamat Malaysia Sarawak telah menghantar surat setuju terima bagi melaksanakan kursus pada 6 Mei 2021. (Lampiran 1)

3.0 JUSTIFIKASI / OBJEKTIF

- 3.1 Memahami lebih jelas mengenai isu OHSMS.
- 3.2 Peningkatan penglibatan pengurusan dan pekerja dalam OHSMS.
- 3.3 Pemikiran berasaskan risiko dan peluang untuk OHS.
- 3.4 Penyelarasan dasar dan objektif OHS dengan hala tuju strategik organisasi.
- 3.5 Integrasi OHSMS ke dalam proses perniagaan organisasi.

4.0 ANGGARAN HASIL, PERBELANJAAN & CADANGAN PROGRAM

- 4.1 Jumlah perbelanjaan adalah sebanyak **RM7,074.00** bagi pelaksanaan kursus selama dua hari iaitu bayaran pembekal sebanyak **RM3,600.00** dan pembelian kit peserta sebanyak **RM3,474.00**.
- 4.2 Lantikan perkhidmatan pembekal akan mengikut prosedur JPPK dan pembelian kit peserta adalah atas permintaan organisasi akan mengikut prosedur perolehan 3 sebutharga.
- 4.3 Anggaran hasil bersih kursus adalah sebanyak **RM3,708.00**.
- 4.4 Perincian hasil & perbelanjaan adalah seperti di **Lampiran 2**.

5.0 CADANGAN / SYOR

- 5.1 Adalah disyorkan agar Lembaga Pengurusan MPC dapat meluluskan peruntukan bagi melaksanakan kursus ISO 45001:2018 Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan untuk Akademik Bomba & Penyelamat Malaysia Sarawak yang melibatkan peruntukan sebanyak **RM7,074.00**.

Disediakan oleh:




(ZURAINI SUBKI)
Pen. Pengurus
MPC Wilayah Sarawak
10 Mei 2021

Disemak oleh:



(HAFIZA ATHA AHMAD)
Pengurus
MPC Wilayah Sarawak
10 Mei 2021

Disahkan oleh:



(SEMAWI ZAKARIA)
Pengurus Kanan
MPC Wilayah Sarawak
10 Mei 2021



AKADEMI BOMBA DAN PENYELMAT MALAYSIA
WILAYAH SARAWAK
d/a Balai Bomba Dan Penyelamat Bau
Km4, Jalan Bau - Krokong
94000 Bau
KUCHING. .



Telefon : 082-762871
Faks : 082-762954
Laman web: www.fram.edu.my
e-mel : abpm-swk.bomba@1govuc.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JBPM/ABPM/SK:500-6/1/2 Jld.2(39)
Tarikh : 6 Mei 2021

Pengarah,
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Sarawak
Lot 894, Lorong Demak Laut 3A, Jalan Demak Laut 3,
Taman Perindustrian Demak Laut,
93050 Kuching.
(u.p.: Zuraini Subki/ Khatijah Rahmat/ Norijah Juen)

Tuan,

**CADANGAN KURSUS ISO 45001:2018 SISTEM PENGURUSAN
KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN UNTUK AKADEMI
BOMBA & PENYELAMAT MALAYSIA WILAYAH SARAWAK**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan Kertas Cadangan Kursus ISO 45001:2018 Sistem Pengurusan Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan Untuk Akademik Bomba & Penyelamat Malaysia Sarawak daripada MPC Wilayah Sarawak bertarikh 5 Mei 2021 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak kami bersetuju dengan kertas cadangan di atas dan pihak kami mencadangkan tarikh pelaksanaan kursus tersebut pada 15 Jun hingga 16 Jun 2021. Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan TPgB II Abang Azemi bin Abang Annuar di talian 082-762871 / 012-8049556.

Kerjasama daripada pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.

2/...


'CEPAT DAN MESRA'



Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI CONVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(AZAHAR BIN DRIS)
Komandan

AD/aaa

Lampiran 2

Anggaran Hasil Program (A)

Bil	Perbelanjaan	Kuantiti	Harga/unit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Anggaran hasil dari yuran organisasi	2 hari	3,600.00	7,200.00
2.	Anggaran hasil daripada Kit Peserta	18 unit	199.00	3,582.00
JUMLAH HASIL				10,782.00

Anggaran Perbelanjaan Program (B)

Bil	Perbelanjaan	Kuantiti	Harga/unit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Pembayaran Pembekal (Tenaga Pengajar)	2 hari	1,800.00	3,600.00
2.	Kit Peserta (beg laptop, pen drive & baju)	18 unit	193.00	3,474.00
JUMLAH PERBELANJAAN				7,074.00

Anggaran Hasil Bersih

Bil	Perbelanjaan	Kuantiti	Harga/unit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Anggaran Hasil (A)	1	10,782.00	10,782.00
2.	Anggaran Perbelanjaan (B)	1	7,047.00	7,074.00
Anggaran Hasil Bersih (A-B)				3,708.00